

# Wanita terjatuh dari jambatan Pulau Pinang diselamatkan anggota APMM

Oleh AFANDI CHE MUHAMAD

**GEORGE TOWN** - Maritim Malaysia (APMM) berjaya menyelamatkan seorang wanita tempatan yang terjatuh ke dalam laut berhampiran Kilometer 7.2, Jambatan Pulau Pinang di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 5.55 pagi itu, mangsa berusia 38 tahun dikatakan berada di atas tembok tepi jambatan berkenaan sebelum ditemui terapung di laut oleh orang awam di situ.

Timbalan Pengarah Operasi, Daerah Maritim 2 Pulau Pinang, Komander Maritim Azman Samsudin berkata, pihaknya bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima laporan mengenai kejadian berlaku.

"Sebaik tiba di lokasi kejadian, kita menemui mangsa dalam keadaan terapung dan akhirnya berjaya menyelamatkan mangsa kira-kira 20 minit kemudian.



SEORANG anggota APMM mengangkat mangsa ke dalam aset peronda milik agensi itu selepas berjaya diselamatkan semalam.

"Wanita terbabit dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban di sini sebelum diserahkan kepada pas-

ukan bomba untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.